

Pelajar berlindung di masjid Banda Aceh

B/H 12/4/12 MS 10.

KUALA LUMPUR: Sebahagian besar pelajar Malaysia di Aceh, mendapatkan perlindungan dalam masjid di Banda Aceh berikutan amaran tsunami dikeluarkan Kerajaan Indonesia.

Timbalan Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia di Indonesia Cawangan Aceh (PKPMI-CA), Abdullah Hakimi Zanal Abidin, berkata ratusan pelajar Malaysia bergegas ke masjid yang terletak di kawasan tanah tinggi sebaik gempa bumi pertama berukuran 8.7 pada skala Richter berlaku pada jam 3.38 petang waktu Indonesia.

Bagaimanapun, katanya, sebilangan pelajar Malaysia juga yang bergegas ke kawasan lapangan terbang untuk mendapatkan perlindungan di sana.

“Semua pelajar diarahkan berkumpul di kawasan anjung tingkat atas masjid itu kerana bimbang ber-

laku tsunami dan runtuh. Mereka juga diminta berada dalam keadaan duduk. Kami berlindung di sini bersama penduduk setempat.

“Ketika gempa pertama berlaku, gegaran amat kuat dan berlanjutan lebih tiga minit. Sebaik kejadian itu berlaku, kami keluar rumah masing-masing bersama penduduk tempatan sehingga berlaku kesesakan jalan. Bekalan air dan elektrik juga terputus.

“Kami mendapatkan perlindungan di masjid kerana bimbang berlaku tsunami. Ketika gempa susulan berlaku pada jam 5.43 petang (waktu Indonesia), kami sudah selamat berada dalam masjid. Setakat ini (malam tadi), keadaan terkawal,” katanya ketika dihubungi di Aceh, semalam.

Sementara itu, Yang di-Pertua PKPMI – Cawangan Padang, Muhammad Asyraf Muhammad Rosli ketika dihubungi malam tadi, ber-



PENDUDUK Kuala Jerlun berpindah ke rumah saudara-mara sebagai langkah berjaga-jaga selepas menerima amaran tsunami, semalam.

kata ketika kejadian kebanyakan pelajar sedang berada di rumah sewa masing-masing.

“Keadaan agak cemas ketika itu hingga menyebabkan semua pelajar kita bertempieran lari mendapatkan perlindungan. Kami boleh melihat banyak bangunan berhampiran rumah kami bergoyang. Ba-

gaimanapun, kami bersyukur semua selamat dan keadaan terkawal,” katanya.

Beliau berkata, walaupun keadaan semakin tenang, mereka terus mengambil langkah berjaga-jaga berikutan gempa susulan yang dijangka berlaku dalam tempoh terdekat.